



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM
MAMAT KHALID***

AL-FATIAH BINTI MD ADNAN

FBMK 2014 42



**KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM
MAMAT KHALID**

AL-FATIHAH BINTI MD ADNAN

MASTER SASTERA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2014



**KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM
MAMAT KHALID**

Oleh

AL-FATIHAH BINTI MD ADNAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Ya ALLAH

Segala puji bagi Allah
Tuhan sekalian alam
Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan
Nabi Muhammad SAW keluarga serta para Sahabat baginda
Kupanjatkan kesyukuran kepada-Mu
Dengan izin dan restu-Mu jua
Tugasan ini dapat kulaksanakan
keberkatan-Mu jua yang kuharapkan
Ya ALLAH

Ibu bapaku..

Dengan berkat doamu yang sering mengiringi perjalanan hidupku
Dirimu yang tidak pernah berputus asa
Selalu memberi semangat kepadaku
Semangatmu tertanam di jiwaku
Nasihatmu kupelihara hingga akhir hayat

Abang, Kakak, dan Adikku..

Kau juga pembakar semangatku
Sentiasa ada ketika diriku susah dan berputus asa
Tidak akan kulupa jasamu semua
Akan kubalas semampu kudratku

Sahabat dan Pensyarah

Kalian peneman kala kesedihan
Sentiasa menjadi penyokong dan penasihat
Sokonganmu tidak pernah hilang ketika kulemah
Kubekerja keras untuk ke atas
Supaya kudapat mencapai kejayaan

Kubersyukur kepada-Mu Ya ALLAH
Kuberterima kasih kepadamu ibu bapa, abang, kakak, adik, sahabat dan pensyarah yang
penyayang..
Kusayang kalian semua

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM MAMAT KHALID

Oleh

AL-FATIAH BINTI MD ADNAN

Oktober 2014

Pengerusi : Normaliza Abd Rahim, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini adalah analisis tentang kritikan sosial yang dipaparkan oleh Mamat Khalid dalam filem Melayu yang telah diterbitkan pada 2005 hingga 2012, iaitu filem *Rock, Man Laksa, Zombi Kampung Pisang, Estet, Hantu Kak Limah Balik Rumah, Husin Mon dan Jin Pakai Toncit serta filem Rock Oo*. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis dan merumuskan kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid, apabila teretusnya beberapa masalah yang ditemukan iaitu kelompangan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem. Kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan menunjukkan bahawa aspek latar sosial itu jarang diberi perhatian dan didakwa bahawa belum ada filem Malaysia kerana roh atau jati diri sangat kurang dalam filem keluaran negara Malaysia. Terdapat juga beberapa pandangan yang mengatakan bahawa kemampuan yang ada pada Mamat Khalid telah banyak mencetuskan idea serta memaparkan isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan cara pengumpulan data dan analisis dokumen serta mengaplikasikannya dengan pendekatan sosiologi sastera. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem ini ialah kepercayaan cerita tahyul dan khurafat, kekuasaan bomoh dan jampi serapah, budaya yang tidak prihatin pada golongan tua, amalan suka lepak di kedai kopi, golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, gejala rempit dalam kalangan remaja, budaya asing yang menyerang, kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat, penindasan terhadap golongan miskin, sikap yang ingin kaya dalam masa yang singkat, masyarakat yang tidak beradab, suka berangan, golongan muda yang terlibat dengan pengaruh budaya barat dan golongan muda yang terlibat dengan ajaran sesat. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan menyelesaikan semua masalah yang dihadapi iaitu dengan melakukan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

SOCIAL CRITICISM IN THE FILMS BY MAMAT KHALID

By

AL-FATIAH BINTI MD ADNAN

October 2014

Chairman : Normaliza Abd Rahim, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

This research is an analysis of social criticism found in Mamat Khalid's Malay film which was released in the year 2005 until 2012. The films are *Rock*, *Man Laksa*, *Zombi Kampung Pisang*, *Estet*, *Hantu Kak Limah Balik Rumah*, *Husin Mon dan Jin Pakai Toncit* and last but not least would be *Rock Oo*. The objective of the research is to analyse and to summarise the social critics that can be found in Mamat Khalid's film which has not been done by others. The aspects of social background are not often highlighted in the local films due to the poor essence of self-identity in all of the Malaysian local films. Reviewers also mentioned about Mamat Khalid's capability of creating incredible ideas depicting social issues that occurs in the society. This research is using a qualitative method through data collection, analysing documents and applying it to enhance the sociological literature. The findings of the research imply that all social critics displayed on films are mostly superstitious; mythological based, beliefs in the power of witch doctors and incantations, youngsters disrespecting the elders, the elders who likes to waste time hanging out at the coffee shop for hours, vandalism among teenagers, underage getting involved with illegal underground bike race, western culture influence, no patriotic spirits among the people, oppression towards the poor and needy, the attitudes of typical Malays who dream of being rich fast without working hard to gain profit, habits of daydreaming, youngsters getting involved with the hype of western culture and also getting involved with deviant teachings. Hence, this research will be conducted in hopes of solving all issues occurred through the application of social criticism in Mamat Khalid's film.

PENGHARGAAN

Saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Azzawa Jalla kerana dengan limpah kurnia, hidayat dan inayah-Nya, dapat saya menghasilkan tulisan ilmiah ini. Semoga Allah memberkati hasil usaha saya ini yang diharapkan agar dapat memberi manfaat kepada insan lain. Saya juga ingin menyampaikan rasa hormat dan merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Normaliza Abd Rahim yang sanggup menjadi penyelia serta banyak memberi bimbingan, kritikan membina, nasihat dan saranan dalam proses untuk saya menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT jua yang akan membalas segala jasa dan kebaikannya.

Titipan penghargaan yang tidak terhingga juga kepada ahli jawatankuasa peperiksaan tesis iaitu, Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud, Prof. Madya Dr. Che Ibrahim Hj. Salleh dan Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar dalam penulisan tesis.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada semua barisan pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia terutamanya Dr. Roslina Abu Bakar yang turut membantu dan memberi pandangan serta panduan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Jutaan terima kasih juga kepada rakan seperjuangan yang sentiasa mencambahkan idea dan pandangan serta membakar semangat saya terus berjuang untuk menyelesaikan penyelidikan ini.

Akhir sekali jutaan terima kasih juga kepada ahli keluarga terutama ibu bapa tersayang yang banyak memberi nasihat dan sentiasa mendoakan kejayaan ini. Tanpa dorongan daripada kalian semua, pasti kajian ini tidak akan terhasil.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Dr. Roslina Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PHD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Al-Fatihah Binti Md Adnan (GS34906)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Normaliza Abd Rahim

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Roslina Abu Bakar

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACK	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI DIALOG	xii
BAB	
1	PENDAHULUAN
	1.1 Pengenalan 1
	1.2 Penyataan Masalah 5
	1.3 Objektif Kajian 6
	1.4 Persoalan Kajian 7
	1.5 Kepentingan Kajian 7
	1.6 Batasan Kajian 9
	1.7 Definisi Operasional 10
	1.7.1 Filem Sebagai Satu Genre Sastera 12
2	SOROTAN LITERATUR
	2.1 Pengenalan 17
	2.2 Kajian Lepas 17
	2.2.1 Kajian terhadap Sosiologi Sastera 17
	2.2.2 Kajian terhadap Filem Melayu 21
	2.2.3 Kajian terhadap Kritikan Sosial 23
	2.3 Kesimpulan 28

3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	29
	3.2 Kaedah Kajian	29
	3.3 Instrumen Kajian	29
	3.4 Prosedur Kajian	29
	3.5 Pendekatan Kajian	30
	3.5.1 Pendekatan Sosiologi Sastera	30
	3.6 Kerangka Teori	33
	3.7 Kerangka Konseptual	36
	3.8 Kesimpulan	37
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
	4.1 Pengenalan	38
	4.2 Kritikan Sosial dalam Filem Mamat Khalid	38
	4.2.1 Kepercayaan Cerita Tahyul dan Khurafat	39
	4.2.2 Kekuasaan Bomoh dan Jampi Serapah	42
	4.2.3 Budaya yang Tidak Prihatin pada Golongan Tua	46
	4.2.4 Amalan Suka Lepak di Kedai Kopi	47
	4.2.5 Golongan Muda yang Terlibat dengan Gejala Vandalisme	49
	4.2.6 Gejala Rempit dalam Kalangan Remaja	50
	4.2.7 Budaya Asing yang Menyerang	52
	4.2.8 Kelunturan Semangat Patriotik dalam Kalangan Masyarakat	54
	4.2.9 Penindasan terhadap Golongan Miskin	56
	4.2.10 Sikap yang Ingin Kaya dalam Masa yang Singkat	57
	4.2.11 Masyarakat yang Tidak Beradab.	58
	4.2.12 Suka Berangan.	59
	4.2.13 Golongan Muda yang Terlibat dengan Pengaruh Budaya Barat.	60
	4.2.14 Golongan Muda yang Terlibat dengan Ajaran Sesat.	62

4.3	Rumusan Kritikan Sosial dalam Filem Mamat Khalid	63
4.3.1	Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i>	64
4.3.2	Filem <i>Husin Mon dan Jin Pakai Toncit</i>	68
4.3.3	Filem <i>Zombi Kampung Pisang</i>	68
4.3.4	Filem <i>Estet</i>	71
4.3.5	Filem <i>Rock</i>	72
4.3.6	Filem <i>Rock Oo</i>	72
4.3.7	Filem <i>Man Laksa</i>	72
4.4	Kesimpulan	73
5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan	74
5.2.1	Kritikan Sosial dalam Filem Mamat Khalid	75
5.2.2	Rumusan Kritikan Sosial dalam Filem Mamat Khalid	75
5.3	Implikasi	76
5.4	Cadangan	76
	BIBLIOGRAFI	79
	LAMPIRAN A (Sinopsis Filem)	84
	LAMPIRAN B (Skrip Filem)	91
	BIODATA PELAJAR	134

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Rajah 1:	Teori Sosiologi Sastera	31
Rajah 2:	Kerangka Teori	33
Rajah 3:	Kerangka Konseptual	36



SENARAI DIALOG

Dialog		Muka Surat
Dialog 1	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	39
Dialog 2	- Skrip Filem <i>Husin, Mon dan Jin Pakai Toncit</i> (2012)	41
Dialog 3	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	42
Dialog 4	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	43
Dialog 5	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	44
Dialog 6	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	46
Dialog 7	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	48
Dialog 8	- Skrip Filem <i>Zombi Kampung Pisang</i> (2007)	49
Dialog 9	- Skrip Filem <i>Zombi Kampung Pisang</i> (2007)	50
Dialog 10	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	51
Dialog 11	- Skrip Filem <i>Zombi Kampung Pisang</i> (2007)	53
Dialog 12	- Skrip Filem <i>Zombi Kampung Pisang</i> (2007)	55
Dialog 13	- Skrip Filem <i>Estet</i> (2010)	56
Dialog 14	- Skrip Filem <i>Husin, Mon dan Jin Pakai Toncit</i> (2012)	57
Dialog 15	- Skrip Filem <i>Hantu Kak Limah Balik Rumah</i> (2010)	58
Dialog 16	- Skrip Filem <i>Man Laksa</i> (2006)	60
Dialog 17	- Skrip Filem <i>Rock Oo</i> (2012)	61
Dialog 18	- Skrip Filem <i>Rock</i> (2005)	62

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Filem yang berbahasa Melayu dan membincangkan persoalan masyarakat Melayu adalah dikatakan sebagai filem Melayu atau filem Malaysia. Manakala, filem Melayu yang membincangkan masyarakat dan persoalan bukan Melayu di Malaysia juga dikategorikan sebagai filem Malaysia (Mahadi J. Murat: 2006).

Filem juga sering dikaitkan dengan masyarakat tidak kira masyarakat luar atau dalam lingkungan pembikin filem. Dunia yang begitu *repressive, competitive* dan terbuka telah menjadikan filem sebagai aset atau alat yang sangat penting kerana ia bukan sahaja mendokumenkan atau menggambarkan cebisan kehidupan tetapi turut memberikan definisi kekal dari sudut yang terpilih dan kemudiannya menjadi sejarah. Melihat keadaan sekeliling, hampir tidak ada masyarakat atau komuniti di dunia yang tidak memerlukan filem untuk menjadi kekuatan pada diri (Mahadi J. Murat: 2006).

Filem juga merupakan imej berbentuk visual yang bergerak dan mengandungi unsur penceritaan serta ditulis dalam bentuk dialog, visual dan bunyi. Filem juga telah diolah dengan menggunakan pelbagai hasil karya seni, kemudian filem ini akan ditayangkan di panggung wayang atau di televisyen (Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung: 1996). Selain itu, Adi Pranajaya (1998) juga ada menjelaskan bahawa filem mempunyai banyak fungsi dalam masyarakat serta mencerminkan dan memaparkan banyak perkara sehingga menampakkan sesuatu yang kurang jelas dalam masyarakat termasuk estetika. Filem juga adalah sebagai salah satu karya seni yang berhubungan secara langsung dengan bentuk akal fikir dan akal rasa tentang keindahan, kecantikan, keseronokan dan kesempurnaan atau estetika seperti yang dilakukan oleh arkitek, lukisan, puisi, muzik dan teater.

Seterusnya, filem juga karya seni moden yang berbeza dengan karya seni tradisional. Filem bukan sahaja dinikmati kerana elemen hiburan, tetapi elemen lain juga yang sama penting dinikmati, iaitu nilai pemikiran dan juga elemen estetika. Filem sebagai karya seni moden yang dihasilkan dengan perbelanjaan yang besar menyebabkan khalayak akan dikenakan bayaran dengan membeli tiket untuk menonton. Di sebalik itu, berbeza dengan karya tradisional yang hanya dihasilkan secara percuma untuk masyarakat. Pada waktu yang sama, filem yang dikatakan sebagai sebuah karya seni moden juga akan dinilai melalui kritikan dan penilaian daripada para sarjana yang terdiri daripada sarjana dalam bidang perfileman serta bidang yang berkaitan. Sebuah karya seni yang mempunyai elemen demokratik, filem adalah terbuka kepada penilaian dan kritikan yang tersiar sama ada dalam akhbar, majalah atau jurnal perfileman.

Nilai komersial yang ada pada sesebuah filem telah menjadikan filem sebagai komoditi dagang yang boleh memberikan keuntungan besar kepada penggiat. Bernilainya sesebuah filem ini telah disedari sejak awal sejarah kewujudan filem, iaitu oleh Melies (1988) yang mewujudkan filem sebagai satu industri yang cukup menguntungkan. Ketika ini filem adalah antara medium yang bertanggungjawab memajukan dan mengembangkan teknologi multimedia dan digital ke satu tahap yang cukup hebat.

Sorotan filem terdahulu merupakan cerminan masyarakat kerana terpaparnya cara hidup, nilai dan getar rasa masyarakat pada zaman itu. Malahan, masyarakat pula bukanlah sesuatu yang statik, tetapi sentiasa hidup, bergerak dan bergolak (Naim Haji Ahmad: 1995). Oleh itu, pengkajian tentang masyarakat yang sedemikian sifatnya memerlukan alat yang benar-benar sesuai, yang dapat merakamkan masyarakat dan peristiwa secara lebih objektif, tepat dan realistik. Penggunaan filem sebagai alat dan bahan kajian amatlah wajar apatah lagi yang menjadi subjek ialah masyarakat yang sedemikian sifatnya (Naim Haji Ahmad: 1995).

Secara umumnya, sesetengah filem tempatan dihasilkan secara sambil lewa sehingga meninggalkan elemen budaya bangsa Melayu. Namun, pihak yang terlibat dalam produksi filem tidak mengambil serius akan elemen tersebut yang sepatutnya ditonjolkan dalam filem tempatan. Timbulnya perkara ini adalah disebabkan banyak elemen yang ditonjolkan dalam filem tempatan sejak kebelakangan ini yang tidak menunjukkan filem itu ialah sebuah filem yang diterbitkan oleh warga Malaysia (Mahadi J. Murad: 2006). Pelakon, pengarah, penulis skrip dan tenaga produksi serta latar belakang penggambaran sesuatu tempat yang dipaparkan dalam sesebuah filem itu sepatutnya mewakili negara Malaysia. Mahadi J. Murad (2006) juga ada menjelaskan tentang pandangan Norman Abdul Halim (2003) yang merupakan penerbit KRU Films Sdn. Bhd, mengatakan bahawa definisi yang berkaitan dengan filem Malaysia tidak sewajarnya disempitkan kerana boleh menghalang untuk mengembangkan industri perfileman tanah air pada masa akan datang (Mahadi J. Murad: 2006).

Seterusnya, apabila hubungan filem yang dihasilkan berkaitan dengan kehidupan, maka pengertian filem yang menjadi produk impian akan hilang. Manusia abad 21 yang mempunyai pengalaman dan penderitaan tidak dapat menerima gambaran kehidupan yang dibentuk oleh industri seperti ini. Malah, sebaliknya mereka melihat produk sesebuah filem yang dihasilkan tidak mempunyai manfaat dalam mengungkapkan atau memperkatakan erti kehidupan yang mereka alami. Kematangan pembikin filem sangat diharapkan oleh penonton dalam menghadapi kenyataan hidup yang semakin berubah dan apa yang jelas hubungan ini semakin sulit (Mahadi J. Murad : 2006).

Sementara itu, untuk menghasilkan filem, penonton akan menjadi keutamaan kepada para pembikin filem dan mereka menyedari bahawa filem yang hasilkan itu merupakan satu bentuk penghayatan yang bersifat individual. Filem yang dihasilkan sewajarnya memenuhi keperluan industri untuk dilihat sebagai produk hiburan massa. Tambahan juga, filem adalah antara produk seni budaya yang memerlukan penghayatan serta sebagai produk industri yang memerlukan keuntungan. Terdapat pelbagai pendapat atau persepsi tentang filem di negara ini yang dianggap sebagai barang dagangan tetapi

bukan “filem sebagai filem”. Berlakunya perkara ini, telah menyebabkan filem dilihat sebagai produk impian yang diukur, dinilai dan diulas secara berbeza oleh kelompok “bijak pandai” yang berbeza jurusan. Oleh itu, disebabkan kepandaian mereka akan menyusahkan kerja melahirkan filem yang berguna kepada bangsa dan negara akibat daripada mereka yang banyak memaparkan pendapat dan fikiran yang menyimpang (Mahadi J. Murad : 2006).

Pengkritik filem, Ajami Hashim (2012) memberi dua definisi filem Malaysia, iaitu filem dari negara ini yang dihantar ke luar negara, dan filem yang memaparkan kisah sejarah, serta masyarakat Malaysia seperti *Anak Halal* (2007) arahan Osman Ali, dan *Kala Malam Bulan Mengambang* (2008) arahan Mamat Khalid (Syafik Kamarul: 2012). Menurut Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad (2009), di Malaysia industri filem juga telah menjadi salah satu cabang institusi dominan yang popular dengan secara tidak langsung banyak memaparkan nilai-nilai pandangan tertentu dalam masyarakat (Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad: 2009).

Perkembangan industri filem di Malaysia juga tidak boleh disalahertikan sebagai institusi hiburan semata-mata. Hal ini demikian kerana, industri ini perlu dilihat sebagai suatu institusi yang banyak mendatangkan pengajaran atau teladan serta sarat dengan ideologi tertentu. Menurut Nichols (1976: 25),

The majority of films in all categories are the unconscious instruments of the ideology...Whether the film is ‘commercial’ or ‘ambitious’, ‘modern’ or ‘traditional’...whether it belongs to the ‘old’ cinema or ‘young’ cinema, it is most likely to be re-hash of the same old ideology.

Tanggapan atau andaian terhadap industri filem sebagai industri hiburan semata-mata dan hanya memberikan apa yang dikehendaki oleh penonton perlulah dihakis kerana industri filem ini tidak beroperasi dalam kekosongan. Pemikiran yang mengatakan bahawa industri filem sebagai hiburan sahaja adalah sangat cetek. Hal ini demikian kerana, penyebaran wacana tertentu juga perlu diambil kira dalam usaha untuk memahami kompleksiti hubungan filem, ideologi dan pembentukan makna dalam masyarakat serta menjadi peranan penting dalam industri filem yang beroperasi dalam dunia kapitalis bermotifkan keuntungan (Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad: 2009).

Industri perfileman juga merupakan manifestasi budaya yang digunakan untuk mendidik manusia seperti yang diperkatakan oleh Hassan Abd Muthalib (2012) dalam Utusan Malaysia. Perkara ini telah dipraktikkan oleh pembuat filem Iran, dan telah menyebabkan mereka mampu untuk menakluk dunia dengan karya agung dan secara tidak langsung telah mendapat perhatian antarabangsa. Oleh sebab itu, telah menampakkan perbezaan dengan pembikin filem tempatan yang hanya melaungkan impian dan masih menghasilkan karya yang hanya berteraskan keuntungan sahaja (Hassan Abd Muthalib: 2012).

Keadilan sosial merupakan janji dalam filem Melayu kepada penonton. Penghasilan filem Melayu banyak meyakinkan penonton bahawa keadilan sosial sentiasa wujud, walaupun diketahui bahawa hidup bukan seperti dalam filem. Namun begitu, filem Melayu tetap menyatakan bahawa orang yang baik akan dibalas baik dan jahat akan menerima hukuman. Oleh itu, apa yang dipaparkan dalam filem tersebut telah membuatkan penonton filem Melayu akan berasa selamat walaupun hakikatnya di luar filem sangat berbeza (Ku Seman Ku Hussain: 2011).

Sebahagian besar untuk memperkembang industri filem di Malaysia, terutama filem Melayu yang banyak bertitik tolak daripada perjuangan keadilan sosial, tidak kira melalui penggarapan yang kukuh atau longgar bukan persoalannya. Kebanyakan filem yang dihasilkan bermula dengan keindahan, kemudian menghadapi pelbagai konflik dan pengakhirannya akan kembali indah. Penonton yang menggemari filem Melayu telah sehati dengan kerangka cerita seperti itu dan menunjukkan salah satu cara untuk masyarakat mengenal filem Melayu (Ku Seman Ku Hussain: 2011). Menurut juga, filem boleh dikategorikan sebagai sebuah karya kreatif dan boleh dihasilkan menggunakan pelbagai latar zaman seperti zaman period atau zaman futuristik. Maknanya dalam menghasilkan filem yang menarik, tidak semestinya menggunakan latar semasa tetapi apa yang penting perkara yang berkaitan dengan sosial perlu diberi perhatian (Ku Seman Ku Hussain: 2011).

Filem yang berkaitan atau bercorak sosial merupakan rakaman sosiobudaya tetapi filem itu bukan rakaman sejarah (Ku Seman Ku Hussain: 2011). Kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan menunjukkan bahawa aspek latar sosial itu jarang diberi perhatian. Hal ini berlaku kerana, kebanyakannya lebih kepada sebuah fantasi sosial tentang kehidupan yang kaya dan mewah orang Melayu serta memaparkan konflik jati diri. Sebenarnya, apa yang dipaparkan itu tidak salah tetapi jelas menunjukkan bahawa pengarah filem pada masa kini kurang idea dan tidak peka kepada permasalahan sosial dalam masyarakat. Namun, sekiranya filem yang dihasilkan banyak memaparkan masalah sosial, kemungkinan filem itu akan memberi kesedaran kepada penonton kerana filem yang baik boleh dijadikan cermin untuk melihat permasalahan dalam masyarakat (Aida Rizmariza Kamaruddin: 2012).

Menurut Aida Rizmariza Kamaruddin (2012) mengatakan bahawa latar memainkan peranan yang sangat penting dan menjadi sebahagian daripada karakter filem tersebut. Walau bagaimanapun, bukan sahaja latar semasa yang boleh dijadikan filem tetapi latar zaman lain juga boleh dijadikan idea dalam menghasilkan filem. Tambahan pula, dalam menghasilkan filem, perlu juga diketahui cara untuk melariskan filem, iaitu dengan cara melibatkan pelakon yang popular. Namun begitu, yang membentuk sesebuah filem juga perlu memaparkan latar dengan cemerlang. Malangnya, kebanyakan pengarah yang menghasilkan filem tempatan tidak mengambil peduli tentang aspek ini, di sebaliknya pengarah lebih teruja dengan cerita dan pelakon. Akibatnya, pengarah pada masa kini lebih teruja dan berminat dengan hantu hingga perkara lain yang penting diabaikan (Aida Rizmariza Kamaruddin: 2012).

Kebanyakan filem Melayu yang dihasilkan pada masa kini juga dapat dilihat banyak menampilkan kekayaan atau kemewahan sehinggakan lupa tentang masalah ekonomi dan masalah politik yang sedang dihadapi ketika ini. Hal ini berlaku kerana kebanyakan filem Melayu yang dihasilkan banyak memaparkan kehidupan korporat, rumah mewah dan kereta mewah sahaja. Kemewahan yang dipaparkan boleh mengaburkan penonton di seluruh dunia dan jelaslah menunjukkan bahawa filem Melayu sekarang banyak dipengaruhi oleh filem Bollywood (Aida Rizmariza Kamaruddin: 2012).

1.2 Penyataan Masalah

Bertitik tolak daripada pengamatan terhadap hasil kajian lepas, adalah jelas dilihat kelompangan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem. Kajian oleh Idal, Yasnur Asri & Zulfadhli (2012), Aziz Dwi Prakoso (2012), Didik Kurniawan (2012) dan Suraidah Othman (2010) menunjukkan bahawa kebanyakan pengkaji dahulu banyak membincangkan kritikan sosial dalam puisi, novel, lirik lagu, drama, dan sebagainya. Namun, kritikan sosial dalam filem masih kurang ditemukan. Kajian terhadap filem pula oleh Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad (2009), yang hanya menganalisis tentang kandungan dalam filem *box office* di Malaysia. Kebanyakan kajian terhadap filem itu banyak difokuskan kepada permasalahan yang dihadapi dalam filem Melayu. Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengisi kelompangan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Melayu. Kajian ini akan ditumpukan sepenuhnya pada filem Mamat Khalid untuk menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem tersebut.

Aspek sosial mempunyai kaitan dan pengaruh yang mendalam dalam realiti kehidupan seharian insan. Menurut Aida Rizmariza Kamaruddin (2012), kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan menunjukkan bahawa aspek latar sosial itu jarang diberi perhatian. Hal ini demikian kerana, kebanyakannya pengarah filem lebih kepada sebuah fantasi sosial tentang kehidupan yang kaya dan mewah orang Melayu serta memaparkan konflik jati diri. Sebenarnya, apa yang dipaparkan itu tidak salah tetapi jelas menunjukkan bahawa pengarah filem pada masa kini kurang idea dan tidak peka kepada permasalahan sosial dalam masyarakat. Namun begitu, menurut Aida Rizmariza Kamaruddin (2012), dari sudut ini terdapat juga pengarah filem yang mengambil berat tentang masalah yang ada, terutama masalah sosial dalam kalangan masyarakat, iaitu pengarah yang sedang mencatat nama dalam industri perfileman, iaitu Mamat Khalid.

Menurut Aida Rizmariza Kamaruddin (2012), Mamat Khalid merupakan seorang pengarah yang banyak idea dan cukup peka dengan latar sosial atau masalah sosial dalam semua filem arahnya. Antara filemnya ialah seperti filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (2010) filem *Rock* (2005), filem *Zombi Kampung Pisang* (2007) dan filem *Man Laksa* (2006) yang banyak memaparkan realiti sosial masyarakat Melayu. Namun begitu, hal ini bercanggah dengan pendapat seorang pengkritik filem, iaitu Muhammad Fadhli al-Akiti (2012) yang mendakwa bahawa belum ada filem Malaysia kerana roh atau jati diri sangat kurang dalam filem keluaran negara Malaysia. Alasannya, pembikin filem negara kita banyak mengambil gaya atau kaedah penghasilan filem luar seperti *Man Laksa* (2006) dan *Zombi Kampung Pisang* (2007) arahan Mamat Khalid, serta *Kala*

Malam Bulan Mengambang yang kerap tampil secara *spoof*, dan menyindir penonton (Syafik Kamarul: 2012). Berdasarkan dapatan yang diperoleh, kajian ini akan dijalankan untuk menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem Mamat Khalid dengan berlatarkan realiti sosial masyarakat.

Seterusnya, apa yang dilontarkan oleh Siti Athirah Dzulkifly (2010) melalui artikel yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 19 Disember 2010 dengan mengatakan bahawa kemampuan yang ada pada Mamat Khalid telah banyak mencetuskan idea serta memaparkan isu sosial yang berlaku dalam masyarakat dengan gaya dan cara yang tersendiri, dan hal ini juga turut diperkatakan oleh Aida Rizmariza Kamaruddin (2012). Mamat Khalid juga dikenali sebagai seorang yang begitu sinis dalam karyanya dan sangat peka dengan isu dalam masyarakat serta memberikan perspektifnya. Oleh sebab itu, terbuktilah bahawa ada sesuatu yang unik dalam diri Mamat Khalid dengan menunjukkan kehebatannya untuk menghasilkan karya (Siti Athirah Dzulkifly: 2010). Maka, kajian ini akan merumuskan kritikan sosial yang terdapat dalam filem Mamat Khalid.

Berdasarkan permasalahan yang dihadapi, kajian terhadap filem akan dilakukan, iaitu dengan memberi tumpuan kepada kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid. Justifikasi kajian ini dijalankan ialah untuk menjawab permasalahan yang berkaitan dengan kelompangan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem dan kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan menunjukkan bahawa aspek latar sosial itu jarang diberi perhatian. Seterusnya ingin mengetahui adakah dakwaan Muhammad Fadhli al-Akiti (2012) yang mendakwa bahawa belum ada filem *Malaysia* kerana roh atau jati diri sangat kurang dalam filem keluaran negara *Malaysia*. Di samping itu juga, kajian ini ingin memastikan adakah pandangan Siti Athirah Dzulkifly (2010) dan Aida Rizmariza Kamaruddin (2012) yang mengatakan bahawa kemampuan yang ada pada Mamat Khalid telah banyak mencetuskan idea serta memaparkan isu sosial yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan menyelesaikan semua masalah yang dihadapi iaitu dengan melakukan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid dengan menganalisis kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid yang telah diterbitkan dan kajian ini akan dinyatakan dengan lebih jelas melalui objektif kajian.

1.3 Objektif Kajian

Penghasilan kepada sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin dicapai oleh pengkajinya. Objektif kajian dipaparkan seperti berikut.

1. Menganalisis kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid
2. Merumuskan kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid

Lantaran itu, diharapkan hasil kajian yang dijalankan mampu memberi kesedaran kepada setiap masyarakat bahawa filem-filem yang diterbitkan ini bukanlah hanya sekadar hiburan tetapi terdapat banyak nilai dan pengajaran yang ingin disampaikan sekiranya masyarakat melihatnya secara positif.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dipaparkan adalah bertujuan untuk menghuraikan dan memperjelas apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem Melayu arahan Mamat Khalid. Justeru itu, berdasarkan permasalahan dan objektif yang dikemukakan, kajian ini mengemukakan persoalan kajian berikut:

1. Apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem Melayu Mamat Khalid?
2. Apakah kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem Melayu Mamat Khalid dengan senario masyarakat?

Persoalan yang dikemukakan merupakan gambaran sikap dan pemikiran pengkaji berhubung dengan sesuatu isu atau masalah yang ingin dipersoalkan. Persoalan ini, akan menimbulkan permasalahan kepada pengkaji dan setiap masalah yang dihadapi akan terjawab apabila kajian dilakukan. Oleh itu, kajian yang dijalankan mampu menjawab segala permasalahan kajian dan secara tidak langsung dapat mengetahui pelbagai masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Penerbit filem, pihak sekolah, ibu bapa, penyelidik dan kepada pelajar. Kajian ini juga penting untuk memberi satu rumusan tentang kepentingan kajian filem, terutamanya aspek kritikan sosial yang akan memberi banyak manfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

Kajian yang dijalankan adalah untuk mendedahkan masyarakat bahawa setiap kajian yang dibuat merupakan pengalaman pengkaji dalam menyelesaikan pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat serta pandangan atau persepsi sesetengah masyarakat, terutamanya golongan yang tidak ada kaitan dengan industri filem yang hanya menjadi pengguna dan penonton. Namun begitu, masyarakat harus sedar dan yakin dengan kajian supaya dapat meneruskan usaha untuk memupuk bakat pelapis dalam industri filem ini tidak kira dalam pelbagai aspek kreatif atau pengurusan. Kesannya, kajian ini mampu memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa industri perfileman ialah sebuah industri yang penting kerana melalui filem yang diterbitkan banyak memaparkan kritikan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Kajian ini juga penting dan bermanfaat kepada pihak kerajaan kerana kajian yang dijalankan mampu membantu pihak atasan, iaitu pihak kerajaan, khususnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Penerangan Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Selain itu, dapat membantu pihak agensi yang terlibat dalam pengurusan pembangunan industri filem nasional dan secara tidak langsung memudahkan untuk mendapat maklumat yang terperinci serta memperkasakan institusi perfileman Malaysia yang bertaraf dunia.

Seterusnya, kajian ini juga penting kepada pihak sekolah kerana pihak sekolah memainkan peranan yang penting dalam mendidik golongan pelajar. Pihak sekolah harus sedar bahawa industri perfileman ini sedikit sebanyak mempengaruhi minda pelajar. Hal ini demikian kerana, filem yang diterbitkan bukan sebagai hiburan sahaja malah banyak memberi mesej atau pengajaran kepada penonton. Justeru, pihak sekolah hendaklah memberi kesedaran kepada pelajar tentang masalah ini. Pihak sekolah akan menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang permasalahan masyarakat yang dipaparkan dalam filem.

Kajian yang dilakukan ini juga penting kepada golongan ibu bapa untuk memastikan bahawa anak-anak sedar dengan pelbagai isu yang berlaku dalam masyarakat. Peranan ibu bapa adalah sangat penting untuk membendung masalah ini. Masalah sosial yang dipaparkan dalam filem haruslah diambil pengajaran oleh ibu bapa agar anak-anak tidak terjebak dengan masalah sekeliling serta bertanggungjawab untuk melindungi anak-anak mereka supaya tidak terdedah dengan masalah negatif yang boleh merosakkan masa depan anak-anak mereka. Justeru, kajian ini akan menjadi rujukan penting untuk membantu ibu bapa untuk mengetahui apa masalah yang dihadapi dalam kalangan masyarakat.

Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada penerbit filem kerana dengan adanya kajian ini, dapat memperjelas kelemahan dan kekuatan yang dihadapi oleh industri filem. Penerbit filem juga berpeluang untuk memperbaiki segala kelemahan dalam menghasilkan filem yang baik kepada penonton atau masyarakat. Pihak penerbit filem juga dapat menggunakan cara atau kaedah yang lebih baik untuk memperluas bidang ini dan secara tidak langsung dapat memperbaiki kelemahan yang dihadapi dalam industri filem. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, pihak penerbit filem tidak akan mengambil secara mudah setiap masalah yang berlaku bagi menerbitkan filem yang bermutu dan berkualiti.

Hasil kajian ini juga bermanfaat kepada para penyelidik pada masa akan datang. Mereka boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai salah satu panduan untuk menghasilkan penyelidikan. Bidang perfileman merupakan satu bidang yang sangat diminati oleh kebanyakan golongan muda pada masa kini. Banyak yang lahir sebagai pengarah filem yang secara tidak langsung menjadi lebih terkenal apabila dapat menghasilkan satu filem yang boleh mengaut keuntungan yang banyak. Kajian ini juga mampu memberi pendedahan atau landasan awal kepada mereka dan diharapkan dapat mempertajam, memperluas dan membantu dalam kajian yang akan datang serta menambahkan lagi hasil kajian yang telah sedia ada.

Seterusnya, kajian ini juga penting dan bermanfaat kepada pelajar tidak kira pelajar Sekolah, IPTA atau IPTS. Kajian ini akan memberi ruang kepada mereka untuk menjadi pengganti atau pelapis dalam industri ini pada masa akan datang dan juga untuk mendapatkan pendidikan formal dalam bidang perfileman. Oleh itu, dengan memperluas atau memperkembang budaya penyelidikan, akan dapat membantu untuk menarik lebih banyak golongan muda bagi mengenali dan mendalami bidang industri perfileman.

Kajian terhadap kritikan sosial dalam filem ini ialah satu perkara yang jarang diambil perhatian oleh pengkaji atau masyarakat. Berdasarkan hasil yang diperoleh melalui dapatan kajian, diharapkan mampu memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat dan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain yang berminat untuk mendalami dan menerokai bidang perfileman pada masa akan datang. Setelah industri ini mencapai kejayaan, bidang ini tidak akan mengalami masalah ketandusan pengurus filem, penyelidik dan perunding yang terlatih secara formal dan profesional. Maka, dengan adanya penyelidikan ini akan dapat membantu pengarah filem atau para karyawan untuk memperkembang hasil seni mereka ke tahap yang lebih baik.

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah tertumpu pada 7 buah filem Melayu arahan Mamat Khalid yang telah diterbitkan dari 2005 hingga 2012. Antara filem tersebut ialah filem *Rock* (2005) yang diterbitkan oleh Penerbit Eksekutif Grand Brilliance. Kemudian, filem *Man Laksa* (2006), Filem *Zombi Kampung Pisang* (2007), Filem *Estet* (2010), Filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (2010), Filem *Husin Mon dan Jin Pakai Toncit* (2012) dan filem terbaru iaitu, filem *Rock Oo* pada 2012.

Di Malaysia, terdapat banyak pengarah filem yang berkaliber tetapi kajian ini memilih Mamat Khalid untuk membuat kajian terhadap filemnya kerana kebanyakan filem yang dihasilkan oleh Mamat Khalid banyak mendapat pencalonan dalam Festival Filem Malaysia (FFM) sejak dari tahun 2000. Mamat Khalid mula memenangi anugerah dalam Festival Filem Malaysia (FFM) sejak tahun 2005. Terdapat sembilan filem yang dihasilkan oleh Mamat Khalid. Namun, hanya tujuh filem yang dipilih untuk dikaji kerana tujuh filem ini merupakan antara filem yang banyak memenangi anugerah dalam Festival Filem. Antara filem yang mendapat kutipan yang banyak iaitu filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah* dengan mendapat kutipan sebanyak RM7.9 juta pada tahun 2011. Seterusnya pada tahun 2102, dua filem Mamat Khalid mendapat kutipan sebanyak RM8.9 juta iaitu filem *Husin Mon dan Jin Pakai Toncit* sebanyak RM5.85 juta dan filem *Rock Oo* mendapat kutipan sebanyak RM3.8 juta. Selain itu, filem *Man Laksa* dan *Zombi Kampung Pisang* pula menerima anugerah lakon layar terbaik dan cerita asal dalam Festival Filem Malaysia ke-19. Namun, terdapat dua filem Mamat Khalid yang tidak dikaji, iaitu filem *Lang Buana* (2003) dan filem *Kala Malam Bulan Mengambang* (2008) kerana setelah dianalisis didapati bahawa Mamat Khalid sangat lemah dalam pengendalian babak aksi dan watak dala filem tersebut. Filem ini juga lebih kepada filem hiburan yang tidak banyak memaparkan isu sosial berkaitan dengan masyarakat. Hal ini juga turut di kritik oleh pengkritik filem, iaitu Hassan Abd Muthalib dalam artikelnnya pada tahun 2010.

Seterusnya, untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian ini, data-data dikumpul adalah dengan cara menonton filem arahan Mamat Khalid dan menganalisis apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem itu. Tumpuan kajian ini adalah kepada aspek kritikan sosial sahaja yang terdapat dalam filem tersebut. Antara kritikan sosialnya adalah seperti kepercayaan cerita tahyul dan khurafat, kekuasaan bomoh dan jampi serapah, budaya yang tidak prihatin pada golongan tua, amalan suka lepak di kedai kopi,

golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, gejala rempit dalam kalangan remaja, budaya asing yang menyerang, kelunturan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat, penindasan terhadap golongan miskin, sikap yang ingin kaya dalam masa yang singkat, masyarakat yang tidak beradab, suka berangan, golongan muda yang terlibat dengan pengaruh budaya barat dan golongan muda yang terlibat dengan ajaran sesat.

Setelah kritikan sosial dikenal pasti, kajian ini akan membincangkan data yang diperoleh dan menganalisis data tersebut untuk merumuskan kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid. Kajian ini juga akan menggunakan pendekatan sosiologi sastera oleh Swingewood (1972) yang bertitik tolak daripada pembahagiannya, iaitu sosiologi dan sastera, teori sosial tentang sastera, sastera dan strukturalisme dan persoalan metode. Berkaitan tentang sosiologi dan sastera, terdapat tiga pendekatan yang telah dibicarakan, iaitu melihat karya sastera sebagai refleksi sosial, melihat penghasilan karya sastera, terutama kedudukan sosial seorang penulis dan penelitian tentang penerimaan masyarakat terhadap karya seorang penulis. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera akan mengukuhkan lagi kajian serta membataskan kepada aspek yang telah dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Batasan kajian yang dinyatakan telah menunjukkan setakat mana kajian ini dijalankan. Oleh itu, cara yang digunakan ini dapat memudahkan kajian dijalankan serta mampu menjadikan kajian ini sebagai kajian yang berkualiti dan bermanfaat kepada semua masyarakat.

1.7 Definisi Operasional

Kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid memerlukan pendefinisan dan konsep yang lebih mendalam untuk memahami dan merumuskan secara keseluruhan tujuan kajian ini dijalankan. Pendefinisan ini penting supaya pengkaji dapat memahami satu-satu istilah yang dikemukakan dalam kajian dengan mudah. Oleh hal yang demikian, apabila sesuatu istilah itu telah difahami, ini membolehkan pengkaji memahami apa sebenarnya yang ingin dikemukakan dalam kajian tersebut. Menurut Mana Sikana (1998) kritikan ialah salah satu bidang ilmu yang saintifik dan juga merupakan kegiatan menghayati secara total, menganalisis secara *interpretive* dan membuat penilaian secara rasional. Berdasarkan pengertian yang meluas, salah satu daripada cabang falsafah adalah berkaitan dengan kritikan yang berhubung dengan aspek dan nilai keindahan atau estetika (Mana Sikana: 1998).

Menurut Keris Mas (1990) sosial ini dapat dilihat sebagai proses untuk membuat penilaian terhadap tingkah laku manusia. Terdapat pelbagai impresif atau pandangan perlakuan manusia yang dibuat dan kemudiannya telah dikategorikan dalam satu bentuk tanggapan. Tanggapan ini akan membentuk gambaran atau idea tentang individu lain yang boleh digunakan sebagai panduan dalam interaksi sosial. Oleh itu, segala sistem hidup yang dibentuk dalam masyarakat adalah untuk keperluan manusia berdasarkan ilmu, falsafah, kepercayaan dan ajaran agama (Keris Mas: 1990).

Berkaitan dengan kritikan sosial menurut Ali Ahmad (1994: 41-42), adalah suatu tindakan menegur salah laku seseorang dengan membuat pertimbangan dan memberi penilaian terhadapnya. Penilaian sama ada memuji atau menunjukkan kesalahan adalah melalui proses membanding perlakuan mengikut kaca mata masyarakat sekeliling. Hal ini demikian kerana, untuk menikmati pemahaman kritikan sosial memerlukan pembacaan dan pemahaman yang mendalam. Kebiasaannya kritikan sosial yang dibicarakan oleh pengarang dalam karya masyarakat mereka adalah sesuatu yang menarik atau tidak wajar dibuat oleh segelintir manusia dalam kelompok masyarakat (Ali Ahmad: 1994).

Menurut Jakob Sumardjo & Saini K.M (1986: 21), kritikan sosial ialah analisis untuk pembaca menilai Sesutu karya yang digarap oleh seseorang pengarang. Karya kritikan sosial yang *argumentation* dengan fakta boleh dianalisis oleh pembaca dan baru dibuat kesimpulan. Kritik sosial yang diajukan oleh pengarang bukan hanya menunjukkan keunggulan, kelemahan, benar atau salah yang disorok oleh pengarang dari sudut tertentu tetapi sebenarnya mendorong atau menggalakkan pembaca mengapresiasi atau memahami tujuan karya dihasilkan oleh pengarang. Justeru, penghasilan karya yang dicernakan oleh pengarang akan memperlihatkan suatu proses penciptaan karya sastera yang tinggi mutunya.

Seterusnya, kritikan sosial menurut Kassim Ahmad (1981) dimaksudkan sebagai, pengarang adalah manusia yang berperibadi sendiri dengan pendapat dan pendirian mengatakan sesuatu dalam karangan itu tidak sahaja bersifat menghibur tetapi juga untuk membuka mata dan bagi menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Manakala, Ensiklopedia Malaysiana (1995:263) menyatakan kritikan sosial adalah apresiasi, pengamatan, pemahaman, tanggapan, perasaan serta pemikiran yang terjelma daripada pembacaan sesuatu karya sastera.

Di samping itu, hal ini juga turut disentuh oleh Mana Sikana (1988:3-4) yang mengatakan reaksi daripada pembacaan akan dapat menimbulkan suatu tindak balas atau rangsangan ke arah perubahan perlakuan. Selanjutnya, penganalisisan dengan menghurai, membincang, membedah dan mendalami perkara yang diperkatakan oleh seseorang pengarang akan dapat mewujudkan suatu aspek penyataan yang tinggi nilainya.

Selain itu, dalam kajian ini akan diperjelaskan berkaitan dengan filem bagi memberi kefahaman tentang kajian yang dilakukan. Filem ialah imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur penceritaan, ditulis dalam bentuk dialog, visual dan bunyi. Filem diolah dengan menggunakan pelbagai hasil karya seni, kemudian ditayangkan di panggung-panggung wayang dan televisyen (Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung: 1996).

Abdul Wahab Hamzah (1995) pula mengatakan bahawa filem ialah jendela dan cermin kehidupan. Jendela untuk melihat dunia yang 'real' dan cermin untuk memancarkan kembali kehidupan ini. Filem membentuk dunianya yang tersendiri antara realiti dengan ilusi, antara kebenaran dengan imaginasi. Subjek filem ialah manusia, maka dalam filem

aspek fizik dan psikologi berkait rapat. Filem di mata pengkritik yang bijaksana, akan dilihat sebagai bahan ekspresi kebenaran, penyalur idea, humanistik dan penuh dengan simbol yang universal (Abdul Wahab Hamzah: 1995).

Berdasarkan kepada beberapa pandangan yang memperjelaskan tentang kritikan sosial dan filem dapat disimpulkan sebagai suatu keadaan di mana seseorang pengarang cuba mengetengahkan buah fikiran atau pandangan untuk dikongsi bersama masyarakat. Pengarang merupakan individu yang sensitif dan pemerhati dalam masyarakat serta banyak memaparkan kebaikan atau keburukan seseorang mengikut pengamatannya.

1.7.1 Filem Sebagai Satu Genre Sastera

Sastera merupakan satu bidang seni kreatif yang medium pengantarnya adalah bahasa. Bahasa berperanan dan bertanggungjawab dalam mengetengahkan segala yang difikirkan oleh pengarang melalui pemindahan yang dilakukan sama ada bertulis ataupun lisan. Sastera lahir daripada kehalusan perasaan penulis yang disatukan dengan penjelmaan emosi, cita rasa dan gambaran kehidupan yang halus sifatnya. Lantaran itu, dalam menjelmakan kehalusan dan keindahan bahasa akan dieksplotasikan secara maksimum. Hal ini kerana sastera merupakan hasil seni yang menggunakan bahasa sebagai medium yang mampu membentuk tamadun dan peradaban sesuatu masyarakat selain memperlihatkan sikap dan pandangan pengarang (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman, 2010: 1-3). Menurut Muhammad Haji Salleh (1995), sastera merujuk kepada karya-karya lisan serta tulisan yang membawa unsur-unsur cereka yang disampaikan melalui bahasa dan berbagai-bagai alatannya. Cukup menari lagi, dengan menggunakan istilah kesusasteraan pada masa kini adalah untuk membezakan karya-karya seni berdasarkan bahasa daripada bidang pengetahuan lainnya, seperti sejarah, agama dan undang-undang kebalikan daripada makna awal Sanskrit (Muhammad Haji Salleh, 1995: 6).

Karya sastera juga mengungkapkan unsur akaliah yang sifatnya indah, melalui unsur akaliah ini tersisipnya ilmu atau pemikiran pengarang atau penulis. Pemikiran atau idea, seseorang penulis atau penghasil sesebuah karya kreatif imaginatif akan berusaha menggabungkan dan memadatkan daya rasa (sensori) atau sensitiviti mereka dan akan menyuntik perasaan khalayak melalui olahan fenomena sehingga menjadikan sesuatu karya sastera berhasil meninggalkan kesan kepada pembaca. Aspek pemikiran yang dibawakan dalam karya kreatif juga bersifat tersurat dan tersirat (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman, 2010: 1-3).

Memerihalkan tentang genre sastera, tidak terkecuali daripada membincangkan elemen estetika. Nilai keindahan dalam karya wujud secara bersepadu dengan unsur-unsur lain yang ada secara jalin menjalin, berimbangan dan memperkukuhkan antara satu dengan lain bagi menampakkan kesan positif sesebuah karya. Sesebuah karya sastera juga merupakan manifestasi penulisnya. Fenomena dan persoalan yang dipaparkan dalam karya sastera merupakan realiti kehidupan masyarakat. Pengarang sebagai pelakar yang merakamkan fenomena di sekitar untuk dikongsi bersama khalayak pembacanya. Ungkapan sastera sebagai cerminan masyarakat merupakan refleksi kehidupan sebenar

manusia yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh penulisnya. Justeru, bidang sastera yang luar tafsiran memberi alternatif kepada manusia melihat dunia secara tersendiri dan melepaskan kecaman untuk mencari satu titik kesatuan dan pembersihan jiwa. Hal ini bertepatan dengan fungsi sastera itu sebagai alat pelepasan nilai rasa dan jerit naluri kehidupan manusia sejagat. Sastera bukan milik peribadi seniman atau pengarang sahaja, bahkan sastera adalah milik manusia sejagat yang menjadi asas untuk merasa memiliki (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman, 2010: 3).

Perkembangan sastera yang bermula sejak tradisi lisan masih terus mendapat tempat dan dikesan kesinambungannya hingga kini. Dalam sejarah kesusasteraan Melayu juga dapat dikesan pengkategorian sastera, dan secara umum pengkategorian sastera akan merujuk kepada genre sastera Melayu tradisional dan sastera Melayu moden. Genre sastera ialah kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu. Bentuk dan genre sastera Melayu tradisional terdiri dari prosa klasik iaitu seperti sastera rakyat, sastera pengaruh hindu, sastera panji dan sebagainya. Manakala, puisi klasik pula ialah seperti pantun, syair, peribahasa, gurindam, seloka dan lain-lain. Bentuk dan genre sastera Melayu moden pula terbahagi kepada prosa moden dan puisi moden. Prosa moden ialah seperti drama, novel dan cerpen. Manakala, puisi moden pula ialah sajak. Cerpen, novel, puisi dan drama merupakan antara genre sastera yang popular. Setiap pecahan karya sastera ini memiliki tatatingkat dan nilai seni yang tersendiri. Menilai karya puisi tidak sama dengan menilai novel atau drama. Hal ini dikatakan demikian kerana puisi memerlukan sentuhan bahasa kreatif dan imaginatif, tidak seperti penulisan fiksyen atau drama.

Genre sastera Melayu mempunyai pelbagai fungsi dalam penghasilan karya. Dalam konteks kesusasteraan Melayu, pandangan yang diberikan oleh Hashim Awang dan Ramli Isin tentang fungsi sastera ialah, sastera berfungsi sebagai medium hiburan, dan mendidik masyarakat. Selain itu, fungsi sastera juga adalah sebagai medium kritik sosial serta sebagai dokumentasi kehidupan masyarakat (Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd Saman: 1985). Berdasarkan genre sastera Melayu yang mempunyai pelbagai fungsi dalam menghasilkan karya menunjukkan bahawa filem juga dikategorikan sebagai genre sastera kerana filem yang dihasilkan mempunyai persamaan dengan fungsi sastera seperti yang dijelaskan oleh Hashim Awang dan Ramli Isin.

Menurut Adi Pranajaya (1993), filem juga berfungsi sebagai medium hiburan dan sebagai medium kritik sosial serta dijadikan sebagai ruang untuk mendidik masyarakat. Filem yang dihasilkan mempunyai tujuan, maka mengikut Adi Pranajaya (1993: 6-7) filem sudah tentu mempunyai fungsi dalam masyarakat, di samping mencerminkan dan menyatakan segi yang kadang-kadang kurang jelas dalam masyarakat termasuk estetika. Menurutnya juga, filem bukan sahaja dinikmati kerana elemen hiburan, tetapi elemen lain juga yang sama penting dinikmati, iaitu nilai pemikiran dan juga elemen estetika. Fungsi sosial filem adalah keterlibatan dalam kehidupan sosial, ekonomi, politik, etika, kepercayaan dan lain-lain. Manakala, fungsi estetika filem adalah kehadiran karya yang dapat memberi kenikmatan dan rasa keindahan bagi masyarakat penonton.

Menurut Othman Puteh (2008: 75), cerpen berfungsi sebagai cerminan penyalur dan penyambung segala tafsiran dan pemikiran pengarangnya terhadap sesuatu isu tertentu atau kelompok masyarakatnya kepada khalayak. Menurutnya juga, perkembangan genre cerpen menjadi semakin mantap dan kewajaran ini menyerlah dengan pemikiran dan fizikal yang wujud dalam masyarakat. Situasi itu memberikan ilustrasi sejarah perkembangan betapa genre cerpen tetap diyakini sebagai wahana pengucapan untuk menghantar pelbagai kritikan sosial dan saranan bagi meningkatkan tamadun bangsa.

Selain itu, drama yang dikategorikan sebagai sastera Melayu moden merupakan cabang seni sastera yang mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat. Drama mementingkan dialog, gerak atau perbuatan dan memerlukan ruang, waktu dan audiens. Drama ialah satu lakon aksi yang merupakan satu seni yang menggarap lakonan mulai sejak penulisan skrip hingga pementasan yang memikat dan menarik hati serta menimbulkan kesan emosi. Drama sebagai karya kreatif yang menterjemahkan isu dan fenomena yang berlaku di persekitaran sosial. Di samping itu, medium pentas dan elektronik pula merupakan landasan untuk memaparkan maklumat yang diperoleh. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua medium itu mempunyai kekuatan atau fungsi tersendiri. Selain itu, sebagai karya seni, filem pula merupakan gabungan pelbagai seni yang telah dijalin secara harmonis oleh karyawannya. Filem lahir dari kekuatan daya fikiran, cetusan rasa, perasaan kepekaan, pengalaman dan kemahiran individu yang dinamakan karyawan. Hasil yang dilahirkan menjadi pantulan sebahagian daripada sifat, watak dan kekuatan diri yang boleh dibaca oleh pengkaji filem atau masyarakat secara teliti.

Dalam pada itu, diperkatakan filem sebagai genre sastera juga dapat dilihat dari sudut bahasa. Bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan kerana sastera tidak akan hidup tanpa bahasa. Bahasa sastera pula akan hambar tanpa sentuhan seni yang efisien. Dalam medium penerbitan, terdapat banyak karya sastera yang hadir dengan sentuhan bahasa yang baik. Bahasa berseni dikatakan hadir dalam sastera kerana ditulis oleh pengkarya dengan sentuhan seni yang tinggi. Terdapat pelbagai bentuk yang boleh diterapkan dalam sastera bagi menyampaikan perasaan atau amanat penulis, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Misalnya, penggunaan bahasa berkias untuk mengkritik sistem politik, ekonomi atau sosial dalam sesebuah tamadun bangsa. Dalam karya sastera, penulis menggunakan unsur metafora, simile, anafora dan banyak lagi sebagai ganti ungkapan langsung. Di situlah letaknya keunikan karya sastera dan yang paling penting, karya sastera memerlukan sentuhan kreativiti yang tersendiri. Oleh itu, tidak hairanlah apabila karya puisi merupakan karya yang penuh dengan bahasa berseni yang indah, sesuai dengan peniruan alam seperti definisi seni oleh Plato. Di samping itu, bagi menghasilkan puisi yang baik, bahasa yang berseni amat diperlukan. Pemilihan kata yang tidak selektif sudah tentu akan menjadikan sesuatu puisi itu kosong, hambar dan tidak mempunyai kesan sensitiviti. Pada dekad mutakhir, ada penulis yang melebihi aspek emosi dan maksud yang ingin disampaikan, dengan alasan puisi merupakan elemen kritikan.

Menurut Hamzah Hussin (2004:129), dari segi kekuatan filem dinilai dari segi isinya dan bahasa filem itu sendiri. Berdasarkan keterangan ini, filem juga merupakan salah satu genre sastera kerana penggunaan bahasa dalam filem menerima perubahan apabila filem dianggap sebagai alat perakam realiti kehidupan masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat menggunakan bahasa rojak, maka bahasa itulah yang digunakan di dalam filem yang dihasilkan. Menurut pandangan tentang bahasa filem oleh Mahadi J. Murat dalam wacana intelektual di Dewan Bahasa dan Pustaka, menyatakan bahawa filem ialah gambar bergerak, maka bahasanya juga adalah bahasa bergerak. Menurutnya, filem ialah bahasa penceritaan yang disebut sebagai bahasa visual dan filem harus disesuaikan dengan teknik perfileman.

Menurutnya juga, kebanyakan dialog dalam filem sekadar menggambarkan watak serta plot, tetapi apa yang penting dalam filem ialah bahasa visualnya. Hal ini dapat dilihat bahawa bahasa memainkan peranan yang penting dalam penghasilan filem, misalnya filem animasi Frozen telah diterbitkan dalam versi bahasa Melayu yang secara umumnya, filem asal Frozen diterbitkan dalam versi bahasa Inggeris, tetapi Malaysia menjadi salah sebuah negara yang ditayangkan dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa adalah amat penting dalam industri perfileman kerana dapat memperkembangkan filem yang dihasilkan ke seluruh dunia. Lembaga Penapis Filem, Finas serta Dewan Bahasa dan Pustaka diwujudkan sebagai Badan Pemantau terhadap penggunaan bahasa Melayu di dalam filem. Badan ini menjadi rujukan pengusaha filem sebagai penasihat dan mempunyai kuasa eksekutif untuk menguatkuasakan peraturan serta undang-undang bahasa.

Filem sebagai wadah yang menggambarkan kehidupan sudah tentunya memerlukan kekuatan dalaman, serta dipersembahkan dalam bentuk visual bergerak yang menceritakan pelbagai masalah kehidupan. Selain itu, filem juga dapat memperlihatkan keadaan sosial dan budaya dalam masyarakat tempatan berasaskan nilai-nilai dominan yang terbentuk daripada pelbagai bahagian agar ia boleh diterima oleh masyarakat. Hal ini juga boleh dilihat dalam karya sastera yang lain seperti drama, novel dan cerpen. Berdasarkan hal ini, dengan adanya filem dapat memberi ruang kepada pengarang atau penulis skrip filem untuk melontarkan pelbagai isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kritikan sosial yang dilontarkan dalam filem juga akan memainkan peranan ke arah penambahbaikan tindakan yang perlu dibuat agar isu sosial atau kesalahan yang sama tidak berulang dan berlarutan. Kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem merupakan cara yang digunakan oleh seseorang pengarah bagi menyampaikan idea atau kritikan terhadap masyarakat. Filem berperanan sebagai alat atau bahan untuk mendokumentasikan budaya dan kehidupan masyarakat tertentu. Kebanyakan filem yang dihasilkan menyampaikan kandungan yang hampir sama dengan realiti kehidupan dalam masyarakat. Namun, hanya pengarah yang faham tentang budaya dan falsafah kehidupan sesuatu masyarakat sahaja akan merakam untuk manfaat generasi yang akan datang.

Dengan itu, jelaslah bahawa filem juga merupakan sebagai satu genre sastera apabila dilihat kaitan sastera dan filem yang mempunyai matlamat yang sama dalam menghasilkan karya terutamanya dari medium bahasa yang digunakan dalam

menghasilkan karya yang berkualiti. Bahasa pada hakikatnya merupakan suatu unsur penting dalam setiap peradaban, setiap bangsa, setiap negara dan masyarakat. Tamadun yang tinggi lazimnya dikenal melalui bahasa yang diwariskan kepada generasi mendatang dalam bentuk kesusasteraan dan persuratan yang mencerminkan sistem kehidupan masyarakat dalam zaman. Aspek bahasa ialah aspek penting dalam karya sastera. Bahasa ialah penentu utama yang menyebabkan karya sastera menjadi indah dan istimewa. Bidang sastera yang selalu berkembar dengan bahasa selalunya menyumbangkan nilai-nilai positif kepada kemanusiaan dan dipelajari sebagai salah satu dari komponen bahasa. Namun, dikaji dan dipelajari secara terpisah kerana perkembangan dan fokus penelitian yang berbeza. Bidang sastera kebanyakan dikaji mengikut bentuk dan genre seperti novel, cerpen, sajak, drama dan juga filem (Kamsiah Abdullah, 2013: 115).

Kajian terhadap kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid akan dinyatakan secara keseluruhan untuk memperjelaskan apa yang ingin dikaji. Filem Mamat Khalid akan menjadi bahan kajian iaitu, di antara beberapa buah filem terpilih yang akan dinyatakan dalam batasan kajian. Filem ini akan dianalisis berdasarkan hasil tontonan melalui cakera padat dan berdasarkan skrip filem yang telah menjadi teks sebagai rujukan dalam kajian ini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid serta merumuskan kritikan sosial dalam filem tersebut. Menurut Johan Jaafar (2012) mengatakan bahawa filem tempatan memerlukan bahan sastera bagi menghasilkan kejayaan yang membawa maknanya yang tersendiri pada dunia sastera tanah air. Filem merupakan medium yang mempunyai kekuatan visual yang memerlukan bahan sastera untuk menghasilkan filem yang berkualiti. Kritikan sosial yang dipaparkan oleh pengarah dalam filem merupakan usaha untuk memberi saranan kepada masyarakat, mendidik jiwa masyarakat, membina jati diri dan akhlak serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perilaku yang mungkin tidak disedari dilakukan dalam kehidupan seharian manusia. Justeru, kritikan sosial yang ingin diketengahkan oleh pengarah dalam filem merupakan teguran tentang kelemahan atau kekurangan yang terdapat dalam kelompok masyarakat.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Aziz Itar (5 Mei 2008). Apakah itu filem Malaysia. Utusan Malaysia
- Abd. Aziz Itar (24 April 2013). Filem Mamat Khalid Sarat Wadah Budaya. Utusan Malaysia
- Abdul Halim Ali (2013). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Budiman Malaysia
- Abdul Wahab Hamzah (1995). *Cintai Filem Malaysia*. Petaling Jaya: FINAS
- Adi Pranajaya (1993). *Filem dan Masyarakat*. Jakarta: Yayasan Citra
- Aida Rizmariza Kamaruddin (19 Februari 2012). Realiti Sosial Diabai. Utusan Malaysia.
- Ali Haji Ahmad (1986). *Puisi Baharu Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ali Ahmad (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Amir Abd Hamid (28 September 2012). Alat Permainan Rosak dan Berkarat. Harian Metro
- Amir Hasan Dawi (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Arena Wati (1999). *Sukma Angin*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- A.Rahman Yusoff (1988). Sosiologi Sastera dan Sumbangannya dalam Penelitian Kesusasteraan Malaysia. *Konsep dan Pendekatan Sastera*. (Hamzah Hamdani). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2010). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd
- Asiah Sarji (2003). Perfileman Dan Kesannya Terhadap Masyarakat: Ke Arah Pengekalan dan Penyuburan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 19, m.s :1- 21
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Ulu Kelang: FINAS

- Aziz Dwi Prakoso (2012). Kritikan Sosial dalam Novel Detik-Detik Cinta Menyentuh Karya Ali Shabab Sebuah Tinjauan Sosiologi Teks. *Jurnal Skripsi*, Vol. 2 No.
- Didik Kurniawan (2012). Kritikan Sosial terhadap Perang dalam Lirik Lagi B.Y.O.B dan War? Karya System Of A Down. *Journal On English Language Culture And Literature*, Vol 1, No 2
- Danial Zainal Abidin (2011). *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ensiklopedia Malaysiana Jilid 7* (1995). Shah Alam : Anzagan Sdn. Bhd
- Fairul Asmawi Mohd Pilus & Syaiful Azhar Misri (2013). Mat Rempit Ragut Kasih. *Harian Metro*
- Fatimah Ali (2007). Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, bil 25, 145-154
- Hajah Nor Azuwan Yaacob, Norazlina Mohd Kiram & Tengku Noor Amira Tengku Zakili (2010). Cerminan Jiwa Melayu dalam Lirik Lagu Patriotik. *Melayu dalam Cabaran*. (Hashim Hj Musa & Nor Azuwan Yaacob). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Halimah Mohd Said & Zainab Abdul Majid (2003). Pengaruh Persekitaran Ke Atas Sistem Nilai Kaum Jawi Peranakan (*Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu I*). Tanjung Malim: Institut Peradaban Melayu
- Hamzah Hussin (2004). *Memoir Hamzah Hussin Dari Keris Film Ke Studio Merdeka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Haron Daud (1999). Mantera: Satu Penelitian Tentang Manusia dan Kepercayaan. *Kesusasteraan Klasik : Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang, Othaman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd Saman (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Hashim Hj Musa & Nor Azuwan Yaacob (2010). *Melayu dalam Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia
- Hasni Abas (2006). Patriotisme dalam Puisi-Puisi Dharmawijaya. *Sastera Kebangsaan: Isu dan Cabaran*. (Hamzah Hamdani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hassan Abd Muthalib (2012). Sejarah, Parodi Dan Filem. Utusan Malaysia
- Jakob Sumarjo & Saimi K.M (1986). *Apresiasi Kesusasteraan*. Jakarta : Penerbit Pt Gramedia

- Johan Jaafar (26 September 2012). Filem Tempatan Perlukan Bahan Sastera. Berita Harian
- Juliana Abdul Wahab & Mahyuddin Ahmad (2009). Filem Box Office dan Ideologi : Satu Kajian terhadap Filem-Filem Terpilih Di Malaysia. *Wacana Seni Journal Of Art Discourse*. Jil 2, Vol 8
- Kamal Yusuf (2009). *Teori Sastera "Modul Mata Kuliah"*. Surabaya: Jurusan Bahasa & Sastera Arab
- Kamsiah Abdullah (2013). *Kuasa Bahasa dan Sastera Melayu dalam Tatatingkat Bahasa-Bahasa di Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kassim Ahmad (1981). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Keris Mas (1990). *Perbincangan dan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ku Seman Ku Hussain (15 Ogos 2011). Filem Melayu dan keadilan sosial. Utusan Malaysia
- Mahadi J Murat (2006). Filem Melayu, filem Malaysia-Di mana kita?.
http://fdam.blogspot.com/2006/07/filem-melayu-filem-malaysia-di-mana_09.html diakses pada 25 September 2013
- Mana Sikana (1986). *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Keadah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Mana Sikana (1988). *Asas Menganalisa Sastera*. Bangi: Penerbit Karyawan
- Mana Sikana (1990). *Pendekatan Kesusasteraan Moden: Strukturalisme, Semiotik, Resepsi, Stilistik, Psikoanalisis dan Intertekstualiti*. Bangi : Penerbit Karyawan
- Mana Sikana (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Meor Zailan Sulaiman (1990). Filem Dokumentari dan Peranannya dalam Menggerakkan Kesedaran Sosial di Dekad Tiga Puluhan. *Jurnal Komunikasi* Jilid 6, bil. 7-16
- Michelle Gun (21 Mac 2010). Mangsa Vandalisme. Harian Metro
- Mohd Ghazali Abdullah (2009). Air Mata Wanita Melayu dalam Filem Melayu. *Jurnal Aswara*, Jil 4, bil. 1
- Mohd Ghazali Abdullah (2008). Pemikiran Melayu dalam Filem Malaysia Abad Ke-21. *Jurnal Melayu*, Vol 3, ms. 179-218

- Mohd Kasim Ismail (2002). *Pemikiran Sosiologi dalam Kritikan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Osman (2004). *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-Isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur Universiti Malaya
- Mohd Nor Shahizan Ali, Hasrul Hashim & Mus Chairil Samani (2011). Analisis Naratif Filem Dokumentari The Kinta Story (1949). *Jurnal Komunikasi*, Jilid 27(2), bil. 183-202
- Muhammad Haji Salleh (1995). Mentakrif Sastera Melayu. (S. Jaafar Husin). *Penelitian Sastera Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Naim Haji Ahmad (1995). *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Serdang : Penerbit Universiti Pertanian Malaysia
- Nanang Martono (2010). Kritikan Sosial terhadap Praktik Pendidikan dalam Flm “Laskar Pelangi”. *Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan*, Vol 3, No. 16
- Othman Mustapha (17 Julai 2012). Memerangi Kumpulan Ajaran Sesat di Malaysia. Utusan Malaysia
- Othman Puteh (2008). Perkembangan Cerpen Melayu Moden 1940-1969. (Siti Aisah Murad). *Penelitian Sejarah Kesusasteraan Melayu 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Prima Yustana (2010). Kritikan Sosial dalam Karya Seni. *Jurnal Seni*, Vol 5, No. 1
- Rahman Shaari (1989). *Kritikan Sastera Melayu: Pendekatan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raja Aini & Raja Rahim (9 Disember 2011). 10 Mat Rempit Kepong ND Lala. *Harian Metro*
- Ramli Yusof (25 November 2013). Bomoh Dakwa Tangkap Langsuir. Utusan Malaysia
- Siti Athirah Dzul kifly (19 Disember 2010). Tragedi di Kampung Pisang. Utusan Malaysia
- S. M. Zakir (2010). *Filem dan Pemikiran*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia
- Sohaimi Abdul Aziz (2007). *Novel dalam Kritikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Suraidah Othman (2010). Kritikan Sosial dalam Drama-Drama Mohamed Ghouse Nasuruiddin. *Tesis Master Sastera*, Universiti Putra Malaysia

Suhaila Ramley (6 Januari 2002). Warga Tua Kenapa Mereka Diabaikan. Utusan Malaysia

Swingewood. A (1972). *Theory dalam Diana Laurenson and Swingewood. Alan: The Sociology Of Literature*. London: Granada Publishing Limited

Syafik Kamarul (2012). Filem Melayu.
<http://syafikamarul.blogspot.com/2012/04/filem-melayu.html> diakses pada 25 September 2013

Tri Wahyudi (2013). Sosiologi Sastera Alan Swingewood Sebuah Teori. *Jurnal Poetika*, Vol 1, No 1.

Umar Junus (1986). *Sosiologi Sastera : Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ungku Maimunah Mohd Tahir (2006). Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden. *Jurnal Akademika* 69, 3-16

Wan Abdul Kadir (1993). *Isu dan Persoalan Masyarakat Budaya*. Kuala Lumpur: Masfani Enterprise

Wanda Idris (10 Julai 2012). Nilai Filem Tempatan. Utusan Malaysia

Wan Asiah Wan Ismail (2003). *Akhlag Remaja di Felda Ulu Belitong*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Yasnur Asri, Idal & Zulfadhli (2012). Kritik Sosial dalam Kumpulan Puisi Malu Aku Jadi Orang Indonesia Karya Taufiq Ismail. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol. 1 No. 1